



**MOHD Zaed (tengah) mengaku bersalah atas pertuduhan memberi rasuah kepada anggota polis.**

**Peniaga bakso suap  
polis didenda RM100k**

**Seremban:** Seorang peniaga bakso didenda RM100,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam atas pertuduhan memberi rasuah kepada anggota polis bertujuan supaya tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap lima rakannya yang ditahan pada serbuan, November tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Zaed Asan, 34, diperintahkan untuk dipenjarakan 24 bulan jika gagal melunaskan denda berkenaan.

Tertuduh membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed, selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Mengikuti pertuduhan pilihan, tertuduh bersama seorang lagi yang masih bebas didakwa dengan niat bersama telah secara rasuah memberikan suatu suapan iaitu wang tunai RM200,000 kepada seorang ejen kepada PDRM sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap lima rakannya yang ditahan pada serbuan dijalankan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai.

Lima rakan tertuduh itu ditahan atas kesalahan jenayah penipuan pelaburan di sebuah apartmen di Bandar Baru Nilai, Nilai pada 13 November 2021.

Kesalahan itu dilakukan di dalam kereta Volkswagen Passat di tepi jalan berhampiran sebuah stesen minyak di Nilai Square Commercial Centre, kira-kira jam 1.20 pagi, 14 November 2021.

Sehubungan itu, tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 214 Kanun Keseksaan (Akta 574) dibaca bersama Seksyen

# RM200k

Jumlah suapan  
diberikan melalui  
seorang ejen  
kepada PDRM

34 akta yang sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh yang boleh sampai satu perempat daripada tempoh pemenjaraan yang lama sekali diperuntukkan bagi kesalahan itu atau dengan denda atau dengan kedua-duanya.

Tertuduh yang diwakili peguam, Kamal Adha Mohd Harozi merayu mahkamah menjatuhkan hukuman berbentuk denda memandangkan tertuduh mempunyai seorang isteri dan dua anak berusia setahun serta dua tahun.

"Tertuduh juga perlu membayar ansuran kereta, sewa rumah dan memberi wang kepada orang tuanya. Tertuduh hanya menurut arahan suspek iaitu rakannya yang masih bebas," katanya.

Manakala pihak pendakwaan yang diketuai Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin, meminta mahkamah menjatuhkan hukuman dengan mengambil kira kepentingan awam serta kesalahan serius yang dilakukan tertuduh.

Wan Shahrudin turut memuji tindakan tiga anggota polis yang terbabit dalam kes berkenaan namun tidak terpedaya dengan rasuah ratusan ribu ringgit.

Mahkamah turut menetapkan wang RM200,000 itu dilucuthak melalui Ketua Pesuruhjaya SPRM kepada kerajaan Malaysia.